

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Syor 4 isu jadi petunjuk KPI sektor kesihatan

**Kerajaan diharap tambah baik infrastruktur, kualiti penyampaian perkhidmatan**

Oleh Hidayatdayu Razali dan Siti Aminah Mohd Yusof  
 bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Kumpulan kesihatan awam mencadangkan empat isu perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Perpaduan untuk diguna sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) bagi sektor kesihatan dalam 100 hari pertama pentadbiran.

Cadangan itu dikemukakan Pusat Kesihatan dan Dasar Sosial Galen yang berharap kerajaan memberi perhatian bagi menambah baik infrastruktur sistem penjagaan kesihatan awam, tenaga kerja, meningkatkan liputan kesihatan dan kualiti penyampaian perkhidmatan serta menangani pelbagai krisis yang sedang dialami.

Ketua Pegawai Eksekutif Ga-

len, Azrul Mohd Khalib, berkata sama ada kerajaan menyedari atau tidak, sistem penjagaan kesihatan negara dan kesihatan rakyat di negara ini berada dalam krisis.

"Kerajaan perlu menyediakan dan membentangkan pelan komprehensif untuk menyelesaikan isu berkaitan perkhidmatan kesihatan."

"Selain itu, kesesakan di jalan kecemasan hospital yang menyebabkan pesakit perlu menunggu lama untuk mendapatkan rawatan termasuk untuk mendapatkan katil di wad juga perlu diatasi."

"Situasi ini adalah indikator yang menunjukkan sistem kesihatan negara ini tidak berfungsi dengan sempurna."

"Jadi, kerajaan mesti membungkurnya dan membentangkan pelan tindakan untuk menangani krisis ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Azrul turut menggesa kerajaan melaksanakan audit kebakaran dan mengambil langkah keselamatan yang berkaitan kemudahan penjagaan kesihatan awam.

Beliau turut memetik kebakaran yang melanda unit rawatan rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru pada Oktober 2016 yang mengakibatkan enam pesakit maut dan

beberapa lagi cedera.

"Laporan ini perlu dikeluarkan secara terbuka daripada jawatankuasa bebas walaupun ia masih tidak diklasifikasikan," katanya.

Selain itu, Azrul turut menggesa kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokek 2022 termasuk mengawal segera produk vape.

## Hijrah ke luar negara

Sementara itu, di Georgetown, Presiden Persatuan Alumni Doktor Universiti Sains Malaysia (PADU), Prof Datuk Dr Jafri Malin Abdullah, berkata persepsi tiada masa depan dan hala tuju laluan kerjaya dalam negara, selain sistem tawaran perkhidmatan kontrak menjadi antara faktor graduan perubatan atau doktor pakar keluar daripada perkhidmatan Kementerian Kesihatan (KKM) dan berhijrah ke luar negara.

Beliau berkata, golongan itu tertarik perkhidmatan di luar negera berikutan tawaran gaji dan laluan kerjaya lebih jelas dengan ada yang membina kerjaya di beberapa negara seperti Singapura, Australia, United Kingdom dan Ireland.

Katanya, penghijrahan mereka bukan disebabkan faktor kewangan atau peluang kerja sema-

ta-mata, sebaliknya mungkin didorong faktor seperti tekanan emosi dan psikologi, bosan dengan persekitaran kerja tidak positif atau terpaksa menanggung beban kerja bukan klinikal.

"PADU memandang serius isu penghijrahan doktor kontrak, doktor tetap dan pakar perubatan ke luar negara yang berlaku di negara ini, malah perkara sedemikian turut terjadi di serata dunia."

"Kita sering mendengar luahan dan menerima aduan lebih lanjut kerana kemasukan pesakit yang tinggi, kekurangan tenaga kerja sehingga memaksa ramai untuk berhijrah ke sektor swasta atau ke negara lain," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Jafri berkata, perlu ada kajian menyeluruh untuk memahami isu penghijrahan doktor dan ia perlu diadakan secara berkesamaan untuk melihat fenomena itu dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, permasalahan sebenar dalam kalangan semua pihak terbabit perlu dikenal pasti secara terperinci bagi membolehkan cadangan penyelesaian dibentangkan berdasarkan data kajian diperoleh.

Katanya, rombakan perkhidmatan lebih besar dalam KKM mungkin perlu dilaksanakan untuk meningkatkan pengambilan

 Kerajaan perlu menyediakan dan membentangkan pelan komprehensif untuk menyelesaikan isu berkaitan perkhidmatan kesihatan.

**Azrul Mohd Khalib,  
Ketua Pegawai Eksekutif Galen**



petugas kesihatan.

Dr Jafri berkata, penghijrahan doktor dan kakitangan perubatan tempatan ke luar negara adalah kerugian besar bukan saja dari aspek wang, namun juga modal insan kepada negara.

Katanya, PADU menyedari isu berkenaan tidak boleh diselesaikan secara bersendirian oleh KKM, sebaliknya memerlukan penyelesaian secara integrasi membabitkan semua kementerian bersekutu.

Mengulas tindakan KKM mewujudkan 4,914 perjawatan tetap baharu, beliau berkata, ia usaha baik yang akan menyelesaikan isu penghijrahan pegawai perubatan ke luar negara menerusi pelbagai perkongsian dikemuka dan diterima pelbagai pihak berkepentingan menerusi pelan Strategi Sumber Manusia Untuk Kesihatan (HRH).

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : LOKAL**

## Lelaki Orang Asli alami demam panas naik heli boma ke hospital

**Gua Musang:** Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan Medical Evacuation (Medevac) bagi membawa lelaki Orang Asli dari Pos Balar ke Hospital Gua Musang yang pengsan akibat demam panas sejak tiga hari lalu.

Rizal Aga, 28, yang ditemani bapanya Aga Along, 51, dilaporkan mengalami demam panas, menggigil dan muntah sehingga memerlukan bantuan bagi membawanya ke hospital, kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM Pangkalan Wilayah Tengah Subang, Selangor, Mohd Hasrizal Kamaruzzaman berkata, helikop-

ter Mi-17-IV berlepas pada jam 9.40 pagi selepas menerima maklumat daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka).

Menurutnya, penerbangan itu diketuai oleh juruterbang Leutenant Kolonel Tengku Ahmad Shafie Isnawi Tengku Muhamad dan pembantu juruterbang Ahmad Hafiz Sulaiman serta dibantu enam kru.

“Helikopter berkenaan tiba di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang pada jam 10.55 pagi untuk mengambil dua jururawat.

“Sebaik sahaja mendarat di Pos Balar pada jam 11.20 pagi, pesakit

yang tidak boleh berjalan diangkat menggunakan pengusung untuk menaiki helikopter.

“Helikopter kemudian tiba di padang BBP Gua Musang pada jam 11.45 pagi sebelum pesakit dihantar ke hospital menggunakan ambulans,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Hasrizal berkata, pesakit itu dalam keadaan baik ketika dihantar ke hospital menggunakan ambulans Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Semua anggota dan jururawat memakai pakaian perlindungan diri (PPE) semasa menjalankan operasi Medevac,” katanya.



RIZAL ditemani bapanya Aga (kanan) dibawa menaiki helikopter JBPM ke Hospital Gua Musang.



PASUKAN pakar bedah HQE2 dan UMS yang berjaya melakukan pembedahan otak ke atas pesakit dalam keadaan sedar penuh.

### PEMBEDAHAN PERTAMA DI SABAH

## Bedah secara sedar!

Kota Kinabalu

**H**ospital Queen Elizabeth 2 (HQE 2) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melakukan pembedahan otak ke atas seorang pesakit dalam keadaan sedar penuh iaitu yang pertama seumpamanya dijalankan di negeri ini pada Khamis 12 Januari lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Rose Nani Mudin berkata pembedahan secara sedar atau *awake craniotomy* itu dijalankan di Dewan Bedah HQE 2 di sini.

Katanya, pembedahan itu usaha Pakar Bedah Otak HQE 2 iaitu Dr M Sofan Zenian dan Dr Hezry Abu Hasan bersama Pakar Bius Otak Faikli Perubatan dan Sains Kesihatan UMS

Dr Yeap Boon Tat serta Pakar Pe-runding Kanan Pembedahan Otak Hospital Sungai Buloh Dr Liew Boon Seng.

“Persiapan dan perbincangan rapi di antara HQE 2, Hospital Duchess of Kent (HDOK) Sandakan dan UMS dimulakan sejak November 2022 bagi melaksanakan pembedahan ini.

“Pesakit merupakan seorang wanita berusia 50 tahun yang mengalami simptom sakit kepala sejak Oktober 2022 dan disahkan menghidap *multiple meningioma* di bahagian kiri otak setelah didiagnosis di HDOK Sandakan,” katanya menerusi satu kenyataan.

**“  
Pesakit seorang wanita berusia 50 tahun alami simptom sakit kepala  
Dr Rose Nani”**

Menurut kenyataan itu keputusan untuk melakukan pembedahan otak menggunakan teknik *awake craniotomy* bertujuan untuk merawat dan seterusnya membolehkan pesakit menjalani kualiti kehidupan lebih baik yang pesakit sebelum ini berdepan keadaan klinikal dan gejala yang teruk.

Pembedahan otak *awake craniotomy* diperkenalkan di dunia sejak awal 2000 dan pembedahan ini dimulakan di Malaysia sejak awal 2010 di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Sungai Buloh dan Hospital Sultanah Aminah (HSA).

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NEGARA!



**HOSPITAL Sultanah Aminah yang semakin sesak menerima pesakit di Johor Bahru.**

## Pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 ditangguh

**JOHOR BAHRU** – Pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA 2) yang sebelum ini telah dirancang terpaksa ditangguhkan sementara waktu setelah projek berkenaan tidak tersenarai dalam Bajet 2023.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon bagaimanapun berkata, pihaknya akan terus mengadakan pertemuan dengan Menteri Kesihatan baharu untuk menyatakan hasrat berkenaan.

Kata beliau, sebaliknya pembinaan sebuah lagi hospital kerajaan di Pasir Gudang sedang dalam proses pembinaan dan berjalan mengikut jadual.

"Untuk makluman semua, pembinaan Hospital Pasir Gudang masih berjalan dan kini ia sudah melebihi tahap 40 peratus pembinaan, lebih awal daripada jadual ditetapkan."

"Saya akan terus bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan juga kementerian untuk memantau pembinaan agar berjalan seperti dirancang dan kita jangka ia

akan siap sepenuhnya menjelang akhir tahun depan.

"Sementara itu, perancangan bagi pembinaan HSA 2 di kawasan pusat bandar raya Johor Bahru sebelum ini ditangguhkan dahulu. Ini kerana, ia tidak tersenarai dalam Bajet 2023 yang telah dibentangkan dan juga kini adanya pentadbiran kerajaan baharu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Jom Ronda Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Ziarah Perpaduan yang dianjurkan di Dewan Raya Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, dekat sini kelmarin.

Jelas Tian Soon, setelah berlaku pertukaran Kerajaan Pusat pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), November lalu, pihaknya telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Kesihatan baharu iaitu Dr. Zaliha Mustafa bagi menyiarkan perkara tersebut.

"Sebelum ini, bagi projek (HSA 2) itu kita telah kenal pasti kawasan tetapi berdepan beberapa masalah," jelasnya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

# Cheaper medicine not a healthy choice

By ALIZA SHAH  
and IYLIA MARYSA ISKANDAR  
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: A trip to the clinic can be an expensive affair, with payments both for medicine and consultation.

However, at the traditional "kedai ubat," the shopkeeper's consultation is free, and the medicine is inexpensive.

It's no wonder that many Malaysians are avoiding doctors and opting to self-medicate.

Nor Wahida Mohd is a corporate communications executive, but she prefers buying traditional Chinese medicine for stomach discomfort from the local Chinese medicine shop or sinseh.

The 23-year-old said her family had been buying a type of charcoal pill from the shop.

"If I go to a clinic, I have to pay at least RM50 for medication and consultation."

"My mum bought tea with senna leaves online as it is good for digestion."

"I also buy my pet medicine online, for flu and ringworms, as recommended by other cat owners," she said.

However, not all are convinced.

A 30-year-old fitness enthusiast who chose

## ***"There is a need to create awareness of the dangers of counterfeit drugs."***

Amrahi Buang

to remain anonymous said his experience buying health supplements online turned out to be traumatising.

"I bought (the supplement) from a relatively new retailer on an ecommerce platform as it was cheaper than my usual store."

"After several days, I had an allergic reaction, with acne also appearing on parts of my body."

"The most frightening experience was when I woke up and lost my sight for about 15 minutes. My vision continued to be blurry for the remainder of the day," he said.

Although the incident was almost five years

ago, he said it had been a reminder to buy only verified products from authorised sellers.

More than 5% of medicines sold in the country could be counterfeit, the Health Ministry has said, and the Malaysian Pharmacists Society (MPS) hopes the authorities will be stricter in their enforcement.

Its president Amrahi Buang said the number could be higher than 5% with the proliferation of ecommerce platforms.

The public, he said, should never trade their safety for cheaper medicines that could be detrimental to their health.

"There is a need to create awareness of the dangers of counterfeit drugs. People should buy their medicines only from community pharmacies."

"Stern enforcement should be taken, and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) needs to be more involved to curb online sales of counterfeit medicines," he said, adding that selling counterfeit medication is against existing laws such as the Poisons Act.

Amrahi said the FarmaTag TM checker allows people to check on the legitimacy of the medications they wish to purchase.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Covid admissions drop 27.1%: Health DG

**KUALA LUMPUR:** Admissions of Covid-19 patients to health facilities per 100,000 population dropped 27.1% in the second epidemiological week 2023 (ME2/2023) from Jan 8 to 14 compared with the previous week, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said admissions of categories one and two patients into public hospitals per 100,000 population last week also declined by 36.4% from ME1/2023, while categories three, four and five admissions dropped by 41.7%.

"The utilisation rates of both non-critical and ICU beds decreased by 2% in ME2/2023 compared with the previous week," he said in

a statement yesterday.

He added that there was also a decline in the number of cases monitored by Covid-19 Assessment Centres (CAC) nationwide and cases referred by CAC to hospitals.

According to Noor Hisham, Malaysia's cumulative Covid-19 infections from Jan 25, 2020 to Jan 14, 2023 stood at 5,032,433, while cumulative recoveries were 4,985,263 cases.

The cumulative figure for Covid-19 fatalities was 36,908 cases and the total clusters were 7,167 with five active clusters.

Noor Hisham said the total number of recovered cases in ME2/2023 dropped by 13% (3,781 cases to 3,288 cases), while the number of new infections decreased by

21.9% (3,231 cases to 2,525 cases) from the previous week.

The number of local cases dropped by 22.3% from 3,213 cases to 2,497 cases, while imported cases rose by 55.6% from 18 cases to 28 cases.

"As for Covid-19-related fatalities, the figure increased by 61.9% (21 cases to 34 cases) in ME2/2023. The infectivity rate ( $R_t$ ) for last week stood at 0.89," he said.

Meanwhile, the surveillance at sentinel locations nationwide found 27 samples of influenza-like illness to be Covid-19 positive at a rate of 3.4%, while severe acute respiratory infection samples testing positive for Covid-19 was 1.7%. - Bernama

**AKHBAR : THE SUN****MUKA SURAT : 2****RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

## Move to provide internet access for health clinics

**KUCHING:** The Health Ministry will hold talks with the Communications and Digital Ministry to obtain satellite-based internet service for health clinics in rural areas.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said internet access is crucial for health workers to deliver virtual services or make video calls to provide a medical diagnosis to patients.

"The ministry has received paperwork from the state health department, and we see the need for satellite-based internet service in rural clinics."

"We will hold discussions with the Communications and Digital Ministry to help us provide this service in health clinics," he said after a working visit to the Bako Health Clinic here yesterday.

Lukanisman also said the ministry hoped to get an allocation in Budget 2023 to address the issue of dilapidated health clinics nationwide.

"We hope that Budget 2023 will provide special allocation for these clinics, not only in Sarawak but throughout Malaysia." - Bernama